

NO SOALAN :483**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perolehan Kerajaan hasil dari kutipan hasil cukai judi di seluruh negara bermula tahun 2013 hingga tahun 2017 .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil cukai perjudian yang dikutip di bawah Akta Cukai Perjudian 1972 [Akta 65] di seluruh negara bermula dari tahun 2013 sehingga 30 Jun 2017 adalah berjumlah RM3.129 billion.

SOALAN (484)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]

SOALAN :-

YB. Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menyelesaikan projek perumahan terbengkalai di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat prihatin dan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh Malaysia. Kerajaan telah mengambil beberapa usaha dan langkah untuk memastikan projek perumahan swasta yang disahkan terbengkalai selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1966 [Akta 118] dapat diselesai atau dipulihkan bagi menjamin kepentingan dan hak-hak pembeli seperti:

- i) mengenalpasti pemaju-pemaju berkeupayaan dan berpengalaman (*white knight*) untuk mengambil alih pemulihan projek;
- ii) Kawalan ke atas Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) dan penyata kewangan beraudit syarikat dipertingkatkan. Pemaju yang gagal mengemukakan laporan penyata kewangan beraudit akan dibawa ke Mahkamah. Sekiranya didapati kedudukan kewangan pemaju tidak

- kukuh untuk meneruskan projek, pemaju akan dipanggil berbincang untuk mengambil langkah sesuai yang perlu;
- iii) Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran professional tetapi tidak termasuk kos tanah;
 - iv) melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana rendah melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut. Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 32 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia telah berjaya dipulihkan menggunakan dana Kerajaan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM219.543 juta yang telah memberi manfaat kepada 5,079 pembeli melibatkan 5,827 unit rumah;
 - v) bertindak sebagai pemudahcara dengan mengadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari

penyelesaian yang terbaik ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai;

- vi) menyelaraskan usaha pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai seperti mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, perbincangan terbuka dan program dialog dengan pembeli;
- vii) memantau dan menyelaraskan pemulihan bagi kesemua projek perumahan swasta terbengkalai dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Teknikal;
- viii) mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta 118; dan
- ix) melaksanakan usaha pemantauan dan penyelarasan yang lebih rapi.

Bagi membantu meringankan beban para pembeli terbabit, Kerajaan telah mengambil inisiatif mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan swasta terbengkalai kepada pembiaya kewangan (*end-financier*) bagi unit

rumah berkaitan. Melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- i) memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;
- ii) memohon pertimbangan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua; dan
- iii) bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan Kerajaan pula, mereka boleh memohon pertimbangan untuk:
 - a) membatalkan pinjaman sedia ada dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama; atau
 - b) diberi pertimbangan untuk menangguhkan kenaikan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

Walau bagaimanapun, semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam berdasarkan merit setiap kes. Sekiranya pihak pembiaya tidak memberikan sebarang bantuan atau kerjasama yang sepatutnya, pembeli boleh membuat aduan kepada Kementerian dan aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Julai 2017

SOALAN NO: 485

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]
TARIKH :
SOALAN : 485

YB Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah keberhasilan dari program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) sejak ianya dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

KOSPEN telah dilaksanakan semenjak tahun 2013 untuk membantu menangani masalah peningkatan bebanan penyakit tidak berjangkit di negara ini melalui pemerksaan serta perluasan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan khususnya pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit. Pelaksanaan inisiatif ini adalah melalui penubuhan *functional units* yang terdiri daripada sukarelawan dari kalangan masyarakat di seluruh negara yang akan bertindak sebagai *health agent of change*. Program KOSPEN merangkumi 5 skop kesihatan iaitu amalan pemakanan sihat, aktiviti fizikal, amalan tidak merokok, pengurusan berat badan serta saringan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini Program KOSPEN telah berjaya membuat saringan kesihatan kepada 418,041 rakyat Malaysia dewasa yang berumur 18 tahun keatas di 6,018 lokaliti yang telah melaksanakan Program KOSPEN dengan jumlah sukarelawan seramai 40,623 orang.

Sejumlah 70% peserta saringan telah dirujuk ke klinik kesihatan untuk ujian pengesanan diabetes dan 36% dirujuk untuk pengesanan hipertensi. Kajian oleh Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa 65% kes yang menjalani ujian pengesanan selepas dirujuk oleh sukarelawan KOSPEN disahkan mempunyai hipertensi manakala 52% disahkan mempunyai Diabetes dan kes-kes ini telah diberikan rawatan dan diletakkan di bawah kendalian klinik kesihatan.

Dalam masa yang sama melalui penerapan skop pemakanan sihat, di dapati lebih kurang 60% lokaliti KOSPEN telah mematuhi tatacara penyediaan hidangan sihat semasa majlis rasmi iaitu menyediakan buah-buahan dan air mineral di dalam setiap hidangan, mengasingkan gula dari minuman panas serta menyediakan sayur-sayuran semasa hidangan berat.

Sehingga kini, sebanyak 320 program pengurusan berat badan telah dijalankan melalui program KOSPEN di seluruh negara, di mana peratus keseluruhan peserta yang berjaya menurunkan berat badan adalah 64% dengan hitung panjang penurunan sebanyak 10% dari berat barat badan asal.

Tuan Yang di-Pertua,

Program KOSPEN menggunakan dua strategi utama iaitu promosi serta advokasi dan penerapan polisi sihat serta pewujudan persekitaran sihat bagi menggerakkan perubahan tingkah laku masyarakat kepada amalan sihat secara sukarela.

Perubahan tingkahlaku tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat. Namum demikian, Kementerian Kesihatan amat komited menjayakan KOSPEN dan sedang mengambil langkah perlu memperkukuhkan lagi pelaksanaan KOSPEN memandangkan hasil positif yang telah ditunjukkan dalam masa yang singkat ini. Melalui ujian saringan komuniti yang dilakukan, KKM amat berharap kes-kes Diabetes dan Hipertensi dapat dikesan segera agar rawatan awal dapat diberikan bagi mengelak atau melambatkan kejadian komplikasi.